



BENDAHARI
03-89466222

BAHAGIAN
KEWANGAN
03-89466202 / 6226

SEKSYEN KEWANGAN
PELAJAR
03-89466215 / 6240

SEKSYEN KEWANGAN
STAF
03-89466238

SEKSYEN
PEROLEHAN
03-89466218

SEKSYEN
BELANJAWAN
03-89466207

SEKSYEN
PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN
03-89466211

BAHAGIAN
PERAKAUNAN DAN
SISTEM MAKLUMAT
KEWANGAN
03-89466232

SEKSYEN
PERAKAUNAN
KEWANGAN
03-89466232

SEKSYEN
PENGURUSAN ASET
DAN HASIL
03-89476243

SEKSYEN
PENTADBIRAN DAN
PENGURUSAN
KUALITI
03-89466208

SEKSYEN TEKNOLOGI
MAKLUMAT
03-89466205

BAHAGIAN OPERASI
ZON KEWANGAN A
03-89466612

ZON KEWANGAN B
03-89472503

ZON KEWANGAN C
03-89468831

ZON KEWANGAN D
03-89464023

ZON KEWANGAN E
03-89464178

ZON KEWANGAN F
03-89467892

ZON KEWANGAN G
03-89466236

SEKSYEN KEWANGAN
KEJURUTERAAN
03-89466257

UNIT KEWANGAN
FAKULTI VETERINAR
03-89468056

Rujukan kami: UPM/BEN/S4-2/Bhg. 6 (42)

Tarikh : 1 September 2010

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2010

Peraturan Perolehan Bekalan dan Penghantaran Buku Cetakan dan Terbitan Luar Negara

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengenai peraturan perolehan bekalan serta penghantaran buku cetakan dan terbitan luar negara selaras dengan pemakaian **Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 3 Tahun 2010 – Perolehan Bekalan dan Penghantaran Buku Cetakan dan Terbitan Luar Negara.**

Latar Belakang

2. Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) Bil. 1 Tahun 2009 telah menetapkan perolehan bekalan dan pengiriman buku terbitan dan cetakan luar negara dilaksanakan seperti berikut:-

- (i) perolehan sehingga RM50,000 setahun diuruskan secara pembelian terus di kalangan pembekal Bumiputera;
- (ii) perolehan melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun dipelawa secara sebut harga dan pemilihan syarikat dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga,
- (iii) perolehan melebihi RM500,000 sehingga RM5 juta diputuskan oleh Lembaga Perolehan; dan
- (iv) pembelian melebihi RM5 juta hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Ke- 369 [MINIT 369.05(a)] pada 25 Mei 2010 telah meluluskan pemakaian dan pelaksanaan **SPP Bil. 3 Tahun 2010** tersebut.

Pelaksanaan

4. Buku Terbitan Dan Cetakan Luar Negara ditakrif sebagai buku, majalah, jurnal dan tesis yang **dicetak** dan **diterbitkan** di luar negara.

5. Mesyuarat Pihak Pengurusan Universiti Putra Malaysia Ke-285 pada 22 Januari 2008 meminta Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang membeli buku dengan menggunakan belanja mengurus PTJ merekod atau mendaftarkan pembelian tersebut di dalam pangkalan data Perpustakaan bagi membolehkan universiti mempunyai maklumat koleksi buku yang terkini.

6. JPU Ke- 368 telah bersetuju keahlian Jawatankuasa Pemilihan Syarikat di UPM Serdang dan Kampus Bintulu, Sarawak dianggotai oleh pegawai-pegawai berikut:-

- (i) Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan dan Pembangunan)
- (ii) Ketua Bahagian Terbitan Bersiri; dan
- (iii) Wakil Bendahari.

7. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pemilihan Syarikat adalah seperti berikut:-

- (i) Menganalisa dan membuat rundingan ke atas tawaran syarikat berdasarkan kadar diskaun ke paras terendah dan menguntungkan Kerajaan;
- (ii) Memperakui lantikan syarikat bekalan buku bagi perpustakaan;
- (iii) Memperakui pembelian buku oleh PTJ; dan
- (iv) Memastikan proses perolehan dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.

8. Jawatankuasa Pemilihan Syarikat bertanggungjawab memperakukan kuasa melulus seperti di **Jadual 1** berikut:-

Kuasa Melulus berdasarkan Had Nilai Perolehan

Bil.	Had Nilai Perolehan (Bagi setiap pembelian)	Kuasa Melulus
i	Sehingga RM200 ribu	Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal selain daripada ahli Jawatankuasa Pemilihan Syarikat
ii	Melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
iii	Melebihi RM500 ribu hingga RM50 juta	Lembaga Perolehan
iv	Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan

Jadual 1

9. Perolehan buku secara **eBook** atau pesanan secara **atas talian** termasuk pemilihan judul buku dan penerbitan dengan mana-mana syarikat bagi mendapatkan *hardcopy* dengan nilai tidak melebihi RM500,000 bagi setiap pembelian hendaklah mematuhi peraturan dan kelulusan kuasa berdasarkan had nilai yang ditetapkan di para 8(i) dan (ii).

Tarikh Kuat kuasa

10. Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2010 dan dengan berkuat kuasanya Pekeliling Bendahari ini, semua perolehan bekalan dan penghantaran buku cetakan dan terbitan luar negara hendaklah mendapat perakuan Jawatankuasa Pemilihan Syarikat yang ditetapkan.


11. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung dengan surat pekeliling ini, harap hubungi Puan Mastura binti Abd. Rahim/Cik Wan Rozidayani binti Wan Mohammad, di sambungan 6214/6239/6218/6224.

Kerjasama semua pihak sangatlah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERILMU BERBAKTI”

Yang menjalankan tugas,



(Zulkiflee bin Othman)
Bendahari

Edaran:

Semua

Ketua Pusat Tanggungjawab

Universiti Putra Malaysia

SERDANG/ PORT DICKSON/BINTULU

Salinan kepada:

- Y.Bhg. Tan Sri Datuk Naib Canselor
- Timbalan-timbalan Canselor